

TPM gesa DAP hormat sensitivity Malaysia dalam isu Israel
Malaysian Insider
Dec 28, 2015
Oleh Yasmin Ramlan

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengatakan pendirian DAP berhubung penarikan diri dua atlet luncur layar dari Israel bertanding dalam acara sukan antarabangsa itu merupakan sesuatu yang berbeza daripada dasar luar Malaysia.

Beliau yang juga menteri dalam negeri menggesa DAP menghormati sensitiviti di negara ini berhubung isu Israel.

"Kita tahu kita mempunyai dasar yang jelas dari segi hubungan diplomatik dengan Israel dan langkah yang dibuat DAP adalah sesuatu yang luar daripada dasar kita.

"Malah parti-parti yang bersengkongkol dengan DAP juga tidak bersetuju dengan pendirian DAP berkenaan. Saya tidak perlu sebutkan parti mana tetapi saya fikir DAP jangan melihat dari segi aspek dan elemen mereka sahaja.

"Mereka harus melihat dari segi sensitiviti rakyat terbanyak di negara ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan "Majlis Deklarasi Prioriti 2016" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur hari ini.

Zahid berkata demikian mengulas kenyataan ahli DAP Perak Chong Zhemin dua hari lepas yang mendakwa Putrajaya menggunakan sentimen politik dan peribadi sehingga menyebabkan dua orang peserta Israel menarik diri daripada Kejohanan Luncur Angin Belia Dunia anjuran Persekutuan Luncur Angin Antarabangsa (Isaf) di Langkawi, Kedah.

Semalam, Chong yang merupakan setiausaha organisasi Pemuda DAP Perak merangkap ketua Biro Pembangunan Ekonomi DAP negeri menarik balik kenyataannya itu susulan kecaman rakan pembangkang, khususnya Parti Amanah Negara (Amanah) dan PAS.

Chong sebelum ini dalam kenyataannya menuduh Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin menggunakan sentimen politik dan peribadi, sambil menambah, sukan sepatutnya melampaui sempadan politik dan berkecuali.

Khamis lalu, Persatuan Pelayar Israel (ISA) mengumumkan tidak menghantar pesertanya, termasuk pemenang pingat emas YWC, Yoav Omer dan Noy Drihan, menyertai kejohanan itu susulan beberapa tuntutan dibuat penganjur.

Penganjur YWC sebelum ini dilaporkan melarang peserta Israel menggunakan bendera negara itu jika ingin bertanding, menggunakan sebarang simbol atau

lambang negara pada baju atau papan luncur, dan tidak akan memainkan lagu kebangsaan negara itu jika mereka memenangi pingat emas.

DAP bagaimanapun percaya Putrajaya sewajarnya boleh mencari penyelesaian terbaik dalam hal itu demi kepentingan sukan. – 28 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tpm-gesa-dap-hormat-sensitiviti-malaysia-dalam-isu-israel>